

**MEDIA** : Utusan Malaysia

**TITLE** : Fasa Kedua Mumbai Monorail dijangka siap akhir 2016

**COMPANY** : Scomi Engineering Bhd

**DATE** : 13 June 2016



**DARI** kiri, Tan Boon Hoe, Navendu Lad, Rohaida Ali Badaruddin, Vijaya Lakshmi, Sanjay Khandare dan Peter Edwards semasa membincangkan projek Mumbai Monorail di Rawang, baru-baru ini.

### Fasa kedua Mumbai Monorail dijangka siap akhir 2016

**KUALA LUMPUR 12 Jun** - Fasa kedua projek Mumbai Monorail oleh Scomi Engineering Bhd., yang terus mengikut jadual dijangka siap pada akhir tahun ini.

Bagi mempercepat penyempurnaan fasa kedua itu, wakil pelanggan daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Metropolitan Mumbai (MMRDA) hadir ke Kemudahan Scomi bahagian Utara Kuala Lumpur di Rawang untuk bermesyuarat.

Mereka ialah Pesuruhjaya Metropolitan Tambahan MMRDA, Sanjay Khandare Sanjay Khandare; Ketua Bahagian Komunikasi dan Pengangkutan MMRDA, K Vijaya Lakshmi dan Pengarah Projek LBG India, Navendu Lad.

Di pihak Scomi Engineering ialah Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rohaida Ali Badaruddin; Pengarah Projek, Tan Boon Hoe dan Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan Bersepadu Scomi Engineering, Peter Edwards.

Dalam kenyataannya, Sanjay berkata, pihaknya bekerjasama rapat dengan Scomi dan rakan kongsi konsortium, Larsen & Toubro Limited.

Katanya, penajajaran Mumbai Monorail menyediakan hubungan antara timur dan barat dijadualkan untuk menggerakkan rakyat dengan cepat dan cekap melalui jalan-jalan yang padat dengan penduduk di Mumbai.

“Kami gembira dengan kemajuan kerja-kerja sedang dijalankan dan kami pasti Scomi akan menyiapkan gerabak Mumbai



**Kami gembira dengan kemajuan kerja-kerja sedang dijalankan dan kami pasti Scomi akan menyiapkan gerabak Mumbai Monorail begitu juga sistem serta kerja-kerja integrasi.”**

**SANJAY KHANDARE**  
Pesuruhjaya Metropolitan Tambahan MMRDA

Monorail begitu juga sistem serta kerja-kerja integrasi.

“Fasa ini dijangka dapat menampung empat kali ganda bilangan penumpang harian apabila ia siap kelak,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Khandare dan Vijaya berada di Malaysia untuk membincangkan penghantaran baki gerabak dan percubaan bagi fasa kedua.

Projek Mumbai Monorail telah dianugerahkan kepada Larsen & Toubro dan konsortium Scomi Engineering pada 2008 dengan nilai projek kira-kira AS\$420 juta (RM1.7 bilion).

Fasa pertama Mumbai Monorail yang diuruskan dan dikendalikan oleh Scomi dan rakan kerjasamanya telah berjaya beroperasi sejak dua setengah tahun lalu. Buat masa ini, Scomi mempunyai buku tempahan bernilai RM2.1 bilion.



## MEDIA COVERAGE

<b>MEDIA</b> : Utusan Malaysia Online	<b>TITLE</b> : Fasa Kedua Mumbai Monorail dijangka siap akhir 2016
<b>COMPANY</b> : Scomi Engineering Bhd	<b>DATE</b> : 13 June 2016

### Fasa Kedua Mumbai Monorail dijangka siap akhir 2016

KUALA LUMPUR 12 Jun – Fasa kedua projek Mumbai Monorail oleh Scomi Engineering Bhd., yang terus mengikut jadual dijangka siap pada akhir tahun ini.

Bagi mempercepat penyempurnaan fasa kedua itu, wakil pelanggan daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Metropolitan Mumbai (MMRDA) hadir ke Kemudahan Scomi bahagian Utara Kuala Lumpur di Rawang untuk bermesyuarat.

Mereka ialah Pesuruhjaya Metropolitan Tambahan MMRDA, Sanjay Khandare Sanjay Khandare; Ketua Bahagian Komunikasi dan Pengangkutan MMRDA, K Vijaya Lakshmi dan Pengarah Projek LBG India, Navendu Lad.

Di pihak Scomi Engineering ialah Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rohaida Ali Badaruddin; Pengarah Projek, Tan Boon Hoe dan Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan Bersepadu Scomi Engineering, Peter Edwards.

Dalam kenyataannya, Sanjay berkata, pihaknya bekerjasama rapat dengan Scomi dan rakan kongsi konsortium, Larsen & Toubro Limited.

Katanya, penjajaran Mumbai Monorail menyediakan hubungan antara timur dan barat dijadualkan untuk menggerakkan rakyat dengan cepat dan cekap melalui jalan-jalan yang padat dengan penduduk di Mumbai.

“Kami gembira dengan kemajuan kerja-kerja sedang dijalankan dan kami pasti Scomi akan menyiapkan gerabak Mumbai Monorail begitu juga sistem serta kerja-kerja integrasi.

“Fasa ini dijangka dapat menampung empat kali ganda bilangan penumpang harian apabila ia siap kelak,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Khandare dan Vijaya berada di Malaysia untuk membincangkan penghantaran baki gerabak dan percubaan bagi fasa kedua.

Projek Mumbai Monorail telah dianugerahkan kepada Larsen & Toubro dan konsortium Scomi Engineering pada 2008 dengan nilai projek kira-kira AS\$420 juta (RM1.7 bilion).

Fasa pertama Mumbai Monorail yang diuruskan dan dikendalikan oleh Scomi dan rakan kerjasamanya telah berjaya beroperasi sejak dua setengah tahun lalu. Buat masa ini, Scomi mempunyai buku tempahan bernilai RM2.1 bilion.